

11 NOV 1998

APEC-BERITA-LINDUNG NILAI/I

KAWAL SELIA DANA LINDUNG NILAI ANTARA TOPIK PERBINCANGAN SIDANG KEMUNCAK APEC

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 11 Nov (Bernama) -- Kawalan selia dana lindung nilai dijangka dibahaskan oleh sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) semasa perbincangan mengenai krisis kewangan dan ekonomi, kata pengarah eksekutif Apec Datuk Noor Adlan.

"Saya percaya ini adalah satu isu yang dijangka dibincangkan antara isu-isu yang berkaitan dengan krisis kewangan dan ekonomi," katanya kepada Bernama dalam satu wawancara.

Noor Adlan berkata perkembangan baru-baru ini menunjukkan bahawa sentimen telah berubah dan dana-sana lindung nilai tidak lagi dianggap sebagai perkara yang tidak harus di bawah ke meja rundingan.

"Wujud kesedaran yang lebih tinggi tentang isu ini dan seperti yang boleh dilihat daripada G-7, usaha-usaha telah dibuat ke arah mendefinisikankan isu ini," katanya menjelang sidang kemuncak Apec di Kuala Lumpur pada 17 dan 18 Nov.

G-7 yang menyatukan ekonomi-ekonomi terkuat di dunia itu baru-baru ini menggesa supaya langkah-langkah diambil bagi memperbaharui dan meningkatkan sistem kewangan global. Ini merangkumi pemeriksaan lebih ketat ke atas institusi kewangan termasuk bank-bank pelaburan dan dana lindung nilai.

Tiga anggota G-7 - Amerika Syarikat, Jepun dan Kanada -- juga menyertai Apec.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah lama menyokong kawalan selia ke atas modal jangka pendek atau wang panas yang katanya merupakan punca kepada krisis kewangan yang merentas sempadan Asia dan mengancam seluruh dunia.

Baru-baru ini Jepun juga menyuarakan sokongannya agar dana lindung nilai dikawal selia dan telah meminta Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) menangani masalah tersebut.

Ditanya sama ada kawalan modal yang dikenakan oleh Malaysia baru-baru ini akan dibincangkan di sidang kemuncak itu, Noor Adlan berkata: "Saya sendiri tidak tahu kenapa kawalan modal Malaysia harus dibincangkan, sedangkan ia hanyalah langkah-langkah berpilih daripada segi pergerakan matawang khususnya berkaitan dengan matawang Malaysia."

"Saya tidak tahu kenapa harus ada begitu banyak kritikan terhadap usaha Malaysia walaupun saya tahu ini ada kaitan dengan tanggapan bahawa langkah ini menjejaskan liberalisasi," katanya sambil mempertahankan langkah kawalan tersebut sebagai "ikhtiar terakhir" oleh Malaysia untuk melindungi negara ini daripada spekulator matawang.

Bagaimanapun, katanya langkah Malaysia itu tidak harus dipandang dari sudut ideologi tetapi lebih secara pragmatik.

"Lagipun, Malaysia telah mencuba cara orthodox selama setahun. Ini bolehlah dikatakan usaha terakhir kita," tambah beliau.

-- BERNAMA

TCL KY OS